

BAB 3

PENGURUSAN UNIVERSITI: PERSPEKTIF KONSEPTUAL DAN APLIKASI

PENGENALAN

Pengurusan universiti bermaksud pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh sesebuah universiti untuk menguruskan sumber-sumber seperti tenaga manusia, modal dan idea untuk mencapai matlamat universiti secara optimum. Bab ini menjelaskan pendekatan dan kaedah pengurusan secara konseptual, aplikasinya terhadap UniMAP sebagai sebuah organisasi dan meneliti bagaimana aspek-aspek konseptual itu diaplikasikan melalui kajian kes terhadap Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke 7 (FFVPM7).

Kajian ini meneliti semua laporan FFVPM7 dan minit-minit mesyuarat FFVPM7 dari awal hingga ke peringkat laporan akhir. Aspek-aspek yang diberi tumpuan adalah pendekatan dan proses pengurusan bagi setiap peringkat perlaksanaannya. Rasional pemilihan UniMAP adalah kerana ia sebuah universiti yang berfokuskan pendidikan tertinggi dalam bidang kejuruteraan. Sementara itu, FFVPM7 adalah suatu projek yang sangat sinonim dengan seni dan kebudayaan. Secara umum, kedua-dua bidang ini dilihat sebagai sangat berbeza. Namun, kedua-duanya dipertemukan di peringkat kebangsaan yang dibantu oleh

FINAS dalam satu projek yang bertujuan untuk menilai prestasi pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi Malaysia dalam bidang penerbitan filem dan video.

Berbagai maklum balas yang diterima selepas projek FFVPM7 dari pelbagai pihak, khususnya daripada wakil-wakil universiti lain dan akhbar. Masing-masing menyuarakan rasa kagum dengan keseluruhan pengurusan FFVPM7. Persoalannya ialah apakah unsur-unsur yang membolehkan kedua-dua unsur filem dan video yang selalu dilihat sebagai produk seni itu bertemu dengan kejuruteraan secara baik? Persoalan-persoalan lain yang timbul ialah, apakah faktor-faktor yang membolehkan kejayaan itu dicapai? Bagaimanakah UniMAP mengendalikannya? Apakah unsur-unsur dan prinsip-prinsip pengurusan yang diaplikasikan? Apakah pendekatan dan pengurusan yang digunakan oleh UniMAP?

Sebelum ini pernah ditemui projek seperti FFVPM kurang berjaya atau lemah perlaksanaannya di universiti yang ada menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan penerbitan filem dan penyiaran. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan antara lain sesebuah universiti itu tidak melihat aspek pengurusan projek yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan ini relevan dan penting. Mungkin juga mereka terlalu memberi tumpuan kepada sesuatu yang lain, seperti bidang akademik, atau mempunyai fikiran yang agak jumud tentang penyertaan universiti dalam sesuatu penganjuran projek kesenian dan kebudayaan itu.

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat sepanjang 10 tahun pengajuran FFP dan sepanjang sembilan tahun penganjuran FFVPM, universiti yang paling tinggi memberikan komitmen dari segi pengurusan atasannya